# HKIP 2016

# Hari Kualiti & Inovasi Perkhidmatan



# Sekapur Sireh

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah perkenan dan kurnia-Nya Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Pusat Jaminan Kualiti dan ahli jawatankuasa atas kejayaan menganjurkan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM pada tahun ini.

Tema tahun ini 'Melestari Inovasi Melonjak Prestasi' amat bertepatan dengan usaha dan komitmen Universiti dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggannya. Inovasi adalah hasil cetusan idea yang kreatif dalam apa jua aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Hasil inovasi yang berupa produk atau perkhidmatan boleh merangkumi sebarang perubahan dan penambahbaikan kepada sistem, prosedur, kaedah dan/ atau cara bekerja. Usaha ini turut merangkumi inisiatif mencipta produk perkhidmatan baharu sesuai dengan peredaran dan kepantasan teknologi global.

Usaha untuk mewujudkan kelestarian inovasi merupakan cabaran terbaharu pihak pengurusan dan kejayaan bergantung pada penggemblengan daya kreativiti dan inovasi semua warga Universiti. Tentunya wawasan untuk memacu inovasi merupakan asasnya, tetapi tugas utama kepimpinan sesuatu organisasi adalah untuk menyokong dan memberi kuasa kepada individu dan pasukan mentransformasi idea kreatif mereka menjadi realiti bagi memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Kecemerlangan pembudayaan inovasi dan kreativiti ini perlu diasaskan kepada nilai ihsan yang berupaya mendorong setiap warga UPM dan rakan Universiti daripada kalangan industri, korporat dan alumni.

Seiring dengan hasrat merealisasikan Putra Global 200 (PG200) melalui penilaian *QS World University Ranking*, UPM perlu membudaya dan melestarikan inovasi dalam usaha meningkatkan daya saing dan nilai tambah terhadap perkhidmatan dan produk yang dihasilkan. Hal ini dapat melonjakkan prestasi pencapaian dan kecemerlangan UPM yang kini telah berada pada asas yang kukuh sebagai Universiti Penyelidikan Perdana. Asas ini bersandarkan kepada reputasi melalui pencapaian dan kecemerlangan UPM di peringkat nasional dan global.

Sambutan HKIP UPM pada kali ini diharap dapat menjadi pemangkin dalam mengekalkan penghasilan idea kreatif dan inovatif seterusnya menjadikannya sebagai medan pengiktirafan terhadap kecemerlangan warga kerja UPM bertepatan dengan tema HKIP UPM 2016.

Sekian, terima kasih.

BERILMU BERBAKTI

**Profesor Datin Paduka Dr. Aini Ideris**
DSIS, PSK, KMN
Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia



# Seulas Pinang

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Organisasi yang berjaya dan maju mampu melestarikan inovasi agar dapat meningkatkan prestasi dan produktiviti. Proses inovasi kini sedang melalui satu fasa perubahan, dirangsang sebahagian besarnya oleh peluang menggunakan internet dan teknologi visual untuk mendapatkan idea yang disebarkan dari seluruh dunia. Kita meneliti sejauh mana pemahaman inovasi kita, dibangunkan sepanjang abad yang lalu atau sebelumnya, boleh diaplikasi untuk menghadapi transformasi dan pergolakan tanpa henti yang akan kita saksikan dalam ekonomi global pada masa hadapan.

Oleh itu, adalah penting bagi warga UPM untuk melestarikan inovasi dalam tugas seharian dengan melakukan inovasi secara berterusan, sistematik dan berdaya saing. Kelestarian ini akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kualiti perkhidmatan

Universiti, seterusnya dapat memenuhi kehendak dan aspirasi pelanggan, sekaligus dapat melonjakkan prestasi dalam kalangan warga UPM.

Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan pada tahun ini merupakan kesinambungan dalam usaha melestarikan budaya inovasi di UPM. Dalam usaha memotivasikan warga UPM untuk terus menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif bagi meningkatkan produktiviti Universiti, pelbagai kategori pengiktirafan dan penghargaan telah diwujudkan. Akhir kata, sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan sambutan HKIP, dan tahniah kepada pemenang hadiah/anugerah pada tahun ini. Semoga Allah SWT merahmati usaha kita ini demi kecemerlangan Universiti dan Negara.

Sekian, terima kasih.

**Profesor Dr. M. Iqbal Saripan**
Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti
Universiti Putra Malaysia
*merangkap* Pengerusi Jawatankuasa Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM 2016

# Atur Cara

| | |
|---|---|
| 8.30 pagi | Ketibaan Jemputan/Staf |
| 8.45 pagi | Ketibaan Ahli Pengurusan Universiti<br>*Kahoot- In Kuiz* |
| 9.15 pagi | Perarakan Masuk Ahli Pengurusan Universiti & Pengerusi HKIP 2016 |
| 9.20 pagi | Lagu *Negaraku*<br>Lagu *Putra Gemilang*<br>Ucapan Aluan Pengerusi HKIP 2016<br>Lafaz Ikrar Hari Inovasi |
| 9.42 pagi | Persembahan Pembukaan Dikir Barat Kijang Mas UPM |
| 9.47 pagi | Pertandingan Peringkat Akhir *Putra–In Motivator & Buskers-In Challenge* |
| 10.15 pagi | Persembahan Band Putra |
| 10.20 pagi | Penyampaian Hadiah & Anugerah HKIP 2016<br>• Hadiah Mencipta Tema<br>• Hadiah Idea Inovasi<br>• Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S<br>• Anugerah Pengurusan Lean |
| 10.40 pagi | Penyampaian Hadiah Pertandingan Karya Kreatif |

| | |
|---|---|
| 10.52 pagi | Deklamasi Puisi Inovasi Kreatif Khas |
| 10.57 pagi | Penyampaian Hadiah Pertandingan<br>• *Putra-In Motivator*<br>• *Buskers-In Challenge* |
| 11.12 pagi | Hadiah Delegasi PTJ Kreatif |
| 11.17 pagi | Sambungan Penyampaian Hadiah & Anugerah HKIP 2016<br>• Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif<br>• Anugerah Inovasi Perkhidmatan<br>• Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran<br>• Anugerah Khas HKIP 2016 |
| 11.37 pagi | Persembahan Khas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) |
| 11.42 pagi | Tayangan Video Juara |
| 11.47 pagi | Ucapan Penutupan HKIP 2016 oleh Naib Canselor |
| 11.52 pagi | Lagu *Hari Inovasi UPM* |
| 11.57 pagi | Lawatan Pameran |
| 12.15 tengah hari | Bersurai |

# Latar Belakang

Pada tahun 2013, UPM buat julung kalinya telah melaksanakan sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM. Majlis tersebut dilaksana bagi menyahut seruan kerajaan bahawa agenda transformasi negara hendaklah berpaksikan inovasi dan kreativiti.

Pada tahun ini, majlis ini diteruskan lagi. Selain menyahut saranan kerajaan, pelaksanaan HKIP ini merupakan sebahagian daripada aktiviti peningkatan inovasi yang menyumbang kepada pencapaian Matlamat ke-5 dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020 iaitu Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus.

Penganjuran hadiah/anugerah sempena HKIP 2016 bermula pada Februari secara berterusan, sehinggalah penilaian aktiviti pada September dan Oktober, dan pemenang bagi setiap hadiah/anugerah diumum dan disampaikan semasa Majlis HKIP.

Terdapat 7 kategori anugerah yang dianjur, iaitu:

1. **Hadiah Mencipta Tema HKIP;**
2. **Hadiah Idea Inovasi;**
3. **Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S;**
4. **Anugerah Pengurusan Lean;**
5. **Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif;**
6. **Anugerah Inovasi Perkhidmatan; dan**
7. **Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran.**

# Objektif dan Pelaksanaan

Secara umumnya, objektif sambutan HKIP UPM ialah:

- Meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;
- Memupuk dan memperkukuhkan nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM;
- Merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan
- Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

## Hadiah Mencipta Tema HKIP

### Objektif

i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan secara formal kepada staf untuk melahirkan idea yang kreatif dan inovatif dalam mencipta tema Hari Inovasi; dan

ii. Menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan staf dan memupuk semangat kerjasama dalam menyumbang idea.

### Kaedah Pelaksanaan

Warga UPM yang menghantar tema HKIP telah dinilai oleh Jawatankuasa Panel Penilai Hadiah Mencipta Tema HKIP untuk pemilihan tema terbaik. Tema yang dipilih diguna pakai untuk HKIP 2016. Pada tahun ini sebanyak 47 tema telah dikemukakan dari kalangan 30 staf UPM.

# Hadiah Idea Inovasi

## Objektif

i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang telah menyumbangkan idea inovasi/tajuk projek yang terbaik, praktikal serta berpotensi untuk diketengahkan sebagai projek Inovasi Perkhidmatan atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) ; dan

ii. Menggalakkan pembentukan budaya fikir yang kreatif dan inovatif dalam kalangan staf sebagai pemangkin ke arah penghasilan produk inovasi perkhidmatan berimpak tinggi.

## Kaedah Pelaksanaan

Pertandingan Idea Inovasi adalah terbuka kepada semua staf UPM di mana sumbangan Idea Inovasi yang dihantar oleh staf UPM dinilai dari aspek kreativiti dan inovatif serta kesesuaian untuk diketengahkan serta direalisasikan sebagai projek Inovasi Perkhidmatan atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di UPM.

Sebanyak 48 penyertaan oleh staf UPM telah diterima dan dinilai oleh Jawatankuasa Kecil Penyelarasan dan Hadiah Idea Inovasi pada peringkat awal. Jawatankuasa telah menyenarai pendek sebanyak 13 idea yang kreatif, relevan serta realistik bagi tujuan diketengahkan sebagai projek inovasi UPM untuk menjalani sesi penjelasan idea dan seterusnya memilih 3 idea terbaik bagi tujuan penganugerahan Hadiah Idea Inovasi Perkhidmatan 2016.



# Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S

## Objektif

i. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti pengamalan 5S dan perkhidmatan;

ii. Menggalak kerjasama dan membentuk budaya saling membantu secara berterusan dalam kalangan kakitangan bagi mewujudkan dan mengekalkan suasana tempat bertugas yang bermaklumat, bersih, kemas, teratur dan mesra pelanggan; dan

iii. Menggalakkan persaingan sihat di antara PTJ di ke arah penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pengurusan kualiti dan urus tadbir 5S yang baik.

## Kaedah Pelaksanaan

Penyertaan Anugerah Amalan 5S adalah diwajibkan kepada semua PTJ yang tidak pernah mendapat pensijilan Amalan 5S daripada badan pensijilan. Penilaian pertandingan ini memberi tumpuan kepada perkara yang berikut:

i. Usaha ke Arah 5S;

ii. Ruang Tempat Kerja (Pejabat); dan

iii. Persekitaran Tempat Kerja.

Pada tahun ini, 17 PTJ telah dinilai setelah mendapat maklum balas kesediaan 5S.17 PTJ tersebut adalah:

i. Pejabat Naib Canselor;
ii. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);
iii. Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
iv. Fakulti Ekologi Manusia;
v. Fakulti Kejuruteraan;
vi. Fakulti Pengajian Pendidikan;
vii. Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPM Kampus Bintulu);
viii. Sekolah Pengajian Siswazah;
ix. Institut Biosains;
x. Institut Pengajian Sains Sosial;
xi. Pusat Alumni;
xii. Pusat Jaminan Kualiti;
xiii. Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi;
xiv. Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan;
xv. Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear;
xvi. Bahagian Audit Dalam; dan
xvii. Perpustakaan Sultan Abdul Samad.

# Anugerah Pengurusan Lean

### Objektif

i. Memberi pengiktirafan dan insentif kepada pasukan yang telah berjaya melaksanakan aktiviti Lean dan projek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ;

ii. Berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai aktiviti Lean dan projek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ; dan

iii. Memupuk budaya penambahbaikan berterusan dan mengutamakan nilai kepada pelanggan.

### Kaedah Penyertaan

Penyertaan Pertandingan Leanova@UPM 2016 adalah diwajibkan kepada 6 Projek Pengurusan Lean UPM dan terbuka kepada mana-mana PTJ yang telah melaksanakan aktiviti Lean dan projek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ pada tahun 2014/2015.

# Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif

### Objektif

i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat dengan memberi peluang kepada Kumpulan Inovatif dan kreatif (KIK) menyampaikan idea dan kreativiti;

ii. Meyakinkan PTJ bahawa KIK dapat membantu menyelesaikan masalah berkaitan kerja dan seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan;

iii. Menjadikan KIK sebagai landasan budaya kerja berkualiti; dan

iv. Mengenal pasti wakil ke pertandingan KIK di peringkat yang lebih tinggi.

### Kaedah Pelaksanaan

Proses penilaian Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi Anugerah KIK dibuat oleh Panel Penilai yang dilantik berdasarkan 7 kriteria yang telah ditetapkan, selaras dengan kriteria penilaian oleh pihak INTAN, MAMPU dan MPC seperti berikut:

i. Pengenalan;
ii. Pemilihan projek dan definisi;
iii. Analisis peluang penambahbaikan;
iv. Penyelesaian/pelaksanaan kreatif dan inovatif;
v. Pemantauan dan penyeragaman;
vi. Pencapaian dan penciptaan nilai; dan
vii. Persembahan projek.

Pembentangan projek telah dilaksana untuk menentukan pemenang anugerah ini.

Berikut adalah butiran 2 kumpulan yang menyertai anugerah ini, iaitu:

| Bil. | Nama Kumpulan / PTJ | Tajuk Projek, Kategori & Hasil Inovasi |
|---|---|---|
| KIK 1 | THE GENES<br>(Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomoleku) | **Tajuk**: Tiada Sistem yang Efisien bagi Memantau Bahan Kimia Luput Tarikh di dalam Makmal<br>**Kategori:** Pengurusan<br>**Inovasi:** Sistem Pengurusan Bahan Kimia Secara *Online* |
| KIK 2 | PKKSSAAS (Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) | **Tajuk:** Kurang Tenaga Kerja bagi Kerja Mengangkut Karpet yang Berat dan Besar<br>**Kategori:** Teknikal<br>**Inovasi:** Troli Mengangkut Karpet (TPK PKK) |

# Anugerah Inovasi Perkhidmatan

## Objektif

i. Memberikan pengiktirafan secara formal kepada PTJ yang telah menunjukkan hasil inovasi;

ii. Menggalakkan perkongsian pintar amalan terbaik yang menghasilkan inovasi;

iii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja untuk diamalkan di PTJ;

iv. Mengenal pasti dan memperkenalkan hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah PTJ lain; dan

v. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

## Kaedah Pelaksanaan

Penyertaan bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan adalah hasil daripada idea yang dicetuskan oleh ahli Fakulti/ Institut/ Pusat Kecemerlangan/Unit/Jabatan/Staf Universiti Putra Malaysia sahaja. Permohonan lengkap mestilah melalui pencalonan oleh ketua pusat tanggungjawab (PTJ) sebelum dihantar kepada pihak urus setia. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi penyelesaian masalah, peningkatan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi. Setiap PTJ boleh mencalonkan sekurang-kurangnya 1 permohonan dan maksimum 3 hasil inovasi mereka.

Inovasi yang tidak layak menyertai anugerah ini ialah:

i. Inovasi daripada hasil penyelidikan dan pembangunan atau R&D yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi;

ii. Inovasi untuk tujuan komersial; dan

iii. Inovasi yang sudah tidak diguna pakai/diaplikasi pada tahun dinilai.

Penyertaan Anugerah Inovasi Perkhidmatan bagi Tahun 2016

| Bil. | Nama Projek Inovasi | Nama Kumpulan | PTJ |
|---|---|---|---|
| Inovasi 1 | ei-Plants Labelling | Agro 15-Farm | Fakulti Pertanian |
| Inovasi 2 | UPM-ID | UPM-ID | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) |
| Inovasi 3 | Sistem Pengurusan Perjawatan | Gen-Y | Pejabat Pendaftar |
| Inovasi 4 | Jom Belajar Tambah | - | Fakulti Ekologi Manusia |
| Inovasi 5 | SEAShell FRAMEWORK | INNOVAST | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) |
| Inovasi 6 | Wheely | Eco-Euphoria | Fakulti Ekologi Manusia |
| Inovasi 7 | CHEM-CAT | Agri-Lab | Fakulti Pertanian |
| Inovasi 8 | e-LPPT Kumpulan Pelaksana | The Hobbit | Pejabat Pendaftar & Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) |
| Inovasi 9 | Membaik Taraf Reka bentuk Sistem Aliran Paip Makmal Proses | K.K.A. Team | Fakulti Kejuruteraan |
| Inovasi 10 | 1RIA4U | RIA | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) |
| Inovasi 11 | ACM | The Genes | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| Inovasi 12 | Skytider | Langit Putra | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) |

# Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran

## Objektif

i. Menilai dan mengukur prestasi PTJ bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang cemerlang;

ii. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul; dan

iii. Menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan PTJ untuk mengamalkan pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

## Kaedah Pelaksanaan

Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran melibatkan semua PTJ, dan berpaksi kepada 3 komponen teras seperti berikut:

i. Komponen Pengurusan (60%) yang melibatkan 5 kriteria, iaitu;

a. Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan;

b. Pengurusan, Pembangunan dan Perkhidmatan Sumber Manusia;

c. Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;

d. Pengurusan Laman Web PTJ; dan

e. Pengurusan Kualiti.

ii. Komponen Perkhidmatan Teras (20%) yang melibatkan 2 kriteria iaitu;

a. Pengurusan dan Pelaksanaan Inovasi Perkhidmatan (Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Inovasi, Lean; dan

b. Pelaksanaan Amalan 5S.

iii. Komponen Kepuasan Pelanggan (20%) yang melibatkan 2 kriteria iaitu;

a. Kajian Kepuasan Pelanggan; dan

b. Pengendalian Maklum Balas Pelanggan Melalui Sistem U-Respons.

Semakan dan perakuan pemenang Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran telah dilaksana oleh Jawatankuasa Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran.

# Latar Belakang Projek

# Projek Inovasi Perkhidmatan

## 1. TAJUK PROJEK: EI-PLANTS LABELLING

**PTJ: Fakulti Pertanian**
**Nama Kumpulan: Agro 15-Farm**
**Nama Ahli Kumpulan:**

Nurul Azwana Yahya (Ketua)
Dr. Rohizan Mohamed
Muhammad Abdullah
Athirah Sulaiman
Abdul Fadhzil Suhaimi
Siti Farahwahida Abd Wahab
Roslina Mohd Nor
Siti Nadirah Dasar
Nor Azman Md Ali
Mohd Aidier Ujang

### Sinopsis Projek

ei-Plants Labelling merupakan satu produk inovasi kepada perkhidmatan pemberian maklumat berkaitan tumbuhan yang terdapat pada label tanaman lanskap. Dalam masa yang sama, satu produk aplikasi mudah alih (Mobile app) iaitu Agri i-Plants yang baharu telah dibangunkan. Produk aplikasi Agri i-Plants ini dibangun bertujuan memperoleh maklumat lebih terperinci, interaktif, mesra pengguna dan sentiasa kemas kini. Produk inovasi ini dalam tempoh percubaan dan akan diguna pakai untuk pokok landskap yang ditanam di Kompleks Pentadbiran Fakulti Pertanian. Diharapkan produk inovasi ini juga boleh diguna pakai untuk keseluruhan pokok landskap dalam kampus UPM.

### Impak Pelaksanaan

i. Maklumat berkaitan tanaman landskap akan sentiasa terkini dan boleh dikemas kini dari semasa ke semasa tanpa perlu menukar paparan pada label yang baharu;
ii. Mengurangkan kos percetakan label yang baharu; dan
iii. Memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan interaktif berkenaan tanaman lanskap. Pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini yang lebih interaktif dengan adanya gambar-gambar foto dan video yang menarik berkaitan panduan penanaman dan penjagaan tanaman lanskap yang lebih realistik.

## 2. TAJUK PROJEK: UPM-ID

**PTJ: Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi**

**Nama Kumpulan: UPM-ID**

**Nama Ahli Kumpulan:**

Sabdin @ Zahar Wahab (Ketua)
Huda Khairuddin

### Sinopsis Projek

UPM-ID merupakan Perkhidmatan Direktori Pengenalan Tunggal atau *Shared Authentication Database* yang boleh diguna pakai untuk capaian ke rangkaian, e-mel dan semua sistem aplikasi universiti. Perkhidmatan direktori juga merupakan salah satu penyelesaian keselamatan yang membenarkan pengguna yang sah sahaja untuk membuat capaian ke semua sistem dan sumber yang ada berdasarkan kebenaran capaian yang diberikan. Oleh itu, pengguna perlu mengingati hanya satu ID dan kata laluan sahaja.

### Impak Pelaksanaan

i. Sokongan kepada pencapaian KPI Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi;
ii. Pematuhan Pelan Organisasi Kejat UPM;
iii. Pelaksanaan polisi kata laluan yang ketat dan kemudahan reset untuk pengguna yang lupa kata laluan;
iv. Kawalan capaian ke sistem dipertingkatkan dengan hanya staf atau pelajar yang aktif sahaja dibenarkan menggunakan sistem; dan
v. Meningkatkan keselamatan sistem dengan menggunakan *login* ke sistem dilindungi SSL Cert.

## 3. TAJUK PROJEK: SISTEM PENGURUSAN PERJAWATAN

**PTJ: Pejabat Pendaftar**

**Nama Kumpulan: Gen-Y**

**Nama Ahli Kumpulan:**

Dalina Kamarudin (Ketua)
Siti Rozana Supian
Karmizan Haji Zawawi
Fauziah Mohamed Salih
Shafiz Ishak

### Sinopsis Projek

Sistem Pengurusan Perjawatan merupakan sebuah sistem yang digunakan oleh Pejabat Pendaftar untuk menyimpan dan menguruskan kesemua maklumat perjawatan di UPM. Reka bentuk asas Sistem Pengurusan Perjawatan adalah bersepadu dengan Sistem eIHRAMS dan Sistem Lapor Diri *Online*. Sistem ini dibangun sebagai peralihan daripada proses kerja manual kepada proses kerja bersistem bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan maklumat perjawatan seterusnya melancarkan urusan perancangan sumber manusia di UPM.

### Impak Pelaksanaan

i. Penyimpanan Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) dan capaian;
ii. Maklumat Surat Kelulusan Perjawatan terus daripada sistem;
iii. Capaian maklumat perjawatan yang lebih mudah, cepat dan tepat sekali gus memudahkan proses pelantikan dan kenaikan pangkat;
iv. Integrasi antara Sistem Pengurusan Perjawatan, Sistem eIHRAMS dan Sistem Lapor Diri *Online*;
v. Rekod penyandang perjawatan & sejarah perjawatan staf dapat dicapai;
vi. Penyediaan statistik perjawatan semasa berdasarkan *real time* data; dan
vii. Penjanaan pelbagai laporan/statistik perjawatan terus daripada sistem.

## 4. TAJUK PROJEK: JOM BELAJAR TAMBAH

**PTJ : Fakulti Ekologi Manusia**
**Nama Kumpulan: -**
**Nama Ahli:** Salmina Sulaiman

### Sinopsis Projek

Jom Belajar Tambah merupakan satu inovasi teknikal untuk membantu guru mengajar kanak-kanak peringkat prasekolah terutama 4-5 tahun bagi menyelesaikan operasi tambah yang mudah dengan rasa seronok melalui pengalaman secara langsung. Bahan projek ini terdiri daripada kotak, guli, nombor bermagnet, kertas, pensel dan papan pameran. Kanak-kanak akan memilih nombor mewakili bilangan guli yang dikehendaki, dilekatkan pada bahagian atas dinding kotak tersebut, guli dimasukkan dalam petak yang berkenaan, ulang proses untuk petak seterusnya dan apabila selesai kedua petak penghalang kotak dibuka, guli akan bercampur, jumlahnya merupakan hasil tambah operasi yang dilakukan sendiri oleh kanak-kanak. Operasi ini akan dicatat sendiri oleh kanak-kanak pada sehelai kertas dan dilekatkan di papan pameran.

### Impak Pelaksanaan

i. Meningkatkan rasa seronok belajar operasi tambah kepada kanak-kanak;
ii. Meningkatkan rasa ingin tahu kanak-kanak dengan membuat operasi tambah sendiri; dan
iii. Membolehkan kanak-kanak melakukan aktiviti operasi tambah di mana-mana sahaja.

## 5. TAJUK PROJEK: SEASHELL FRAMEWORK

**PTJ: Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi**
**Nama Kumpulan: INNOVAST**
**Nama Ahli Kumpulan:**

Haryati Abdullah (Ketua)
Aidah Ngatiman
Zanariyah Tohari
Siti Isniza Samot
Sharifah Harzatulshima Syed Hardan
Norhezrulsham Mohamd Nodin
Mohd Hamzidi Hamid
Siti Hadijah A. Rahim
Shafiz Ishak
Imran Izudin Ibrahim

### Sinopsis Projek

Kekangan kepada kepelbagaian tahap kemahiran pengatur cara, ketidak seragaman struktur dan gaya penulisan bahasa pengaturcaraan serta keperluan melaksanakan tugasan dalam kumpulan menjadi pemangkin kepada pembinaan satu kerangka kerja yang dikenali sebagai SEAShell FRAMEWORK. Kerangka kerja yang dibina ini adalah kumpulan script yang terdiri daripada kelas dan fungsi yang boleh dikongsi bersama. Selain mengatasi kekangan yang dihadapi semasa membangunkan sistem aplikasi, ia juga dapat mempercepatkan proses pembangunan sistem serta dapat memudahkan proses penyelenggaraan sistem aplikasi pada masa akan datang.

### Impak Pelaksanaan

i. Menyokong pencapaian KPI IDEC;
ii. Pematuhan Pelan Organisasi Kejat UPM;
iii. Tempoh pembangunan aplikasi dapat dipercepatkan; dan
iv. Mengurangkan tekanan kerja dan bebanan kerja pengatur cara.

## 6. TAJUK PROJEK: WHEELY

**PTJ: Fakulti Ekologi Manusia**

**Nama Kumpulan: Eco-Euphoria**

**Nama Ahli Kumpulan:**

Salmina Sulaiman (Ketua)
Mohammad Nazry Hisham
Saiful Bahrie Abdul Manap
Rahman Basman
Amir Nordin Abu Bakar
Harnita Wahab
Farah Zeehan Mohd Nadzri
Normaziah Zulkifli
Sharifah Hussin

### Sinopsis Projek

Wheely adalah troli beroda yang mempunyai ciri-ciri yang unik iaitu *compact* (struktur yang tiada komponen yang berasingan yang perlu disambung ketika digunakan dan tidak menggunakan ruang yang besar untuk disimpan), *mobile* (struktur yang lebih ringan, mudah alih, mudah dikendalikan dan sesuai untuk kemudahan logistik) dan *multi usage* (struktur yang boleh digunakan untuk pelbagai jenis meja/objek lain) memudahkan urusan persediaan majlis, signifikan dan efektif dalam menjimatkan masa menyusun, mengangkat, menyimpan meja serta mengurangkan tenaga kerja dan kos, mesra pengguna dan mampu mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja.

### Impak Pelaksanaan

i. Tenaga kerja dapat dikurangkan dengan minimum seorang staf sahaja;

ii. Mengurangkan risiko sakit belakang kerana beban meja telah dipindahkan ke Wheely; dan

iii. Menjimatkan masa penyediaan iaitu 4 meja dalam satu masa.

## 7. TAJUK PROJEK: CHEM-CAT

**PTJ: Fakulti Pertanian**

**Nama Kumpulan: Agri-Lab**

**Nama Ahli Kumpulan:**

Siti Raziah Rosli (Ketua)
Nurulamaliah Othman
Rohani Khamis

### Sinopsis Projek

CHEM-CAT merupakan satu sistem susun atur bahan kimia mengikut pengkelasan hazad. Sistem susun atur ini menggunakan kaedah pelabelan berwarna pada setiap botol bahan kimia. Setiap bahan kimia dikenal pasti terlebih dahulu dengan mengasingkan mengikut label hazard yang terdapat pada botol bahan kimia. 6 warna dikenalpasti iaitu kuning (kategori: merengsa), hijau tua (kategori: menghakis), biru (kategori: toksik), merah (kategori: mudah terbakar), hijau muda (kategori: pengoksida), dan jingga (kategori: non-hazardous). Label warna tersebut adalah menggunakan kertas pelekat dan dipotong mengikut saiz yang bersesuaian untuk dilekatkan pada badan botol bahan kimia tersebut. Pada label tersebut ditulis nama singkatan makmal bagi memudahkan pengenalpastian lokasi bahan kimia tersebut. Setiap bahan kimia yang telah lengkap dilabel disusun di dalam almari bahan kimia mengikut ruang hazad yang telah ditetapkan.

### Impak Pelaksanaan

i. Sangat teratur dan bahan kimia disusun mengikut pengkelasan hazard;
ii. Akses terhadap bahan kimia dari segi masa dapat dipercepat dengan mudah melalui warna yang telah ditetapkan; dan
iii. Bahan kimia disusun mengikut kategori hazard yang betul dengan hanya memastikan warna label yang sama.

## 8. TAJUK PROJEK: E-LPPT KUMPULAN PELAKSANA

**PTJ: Pejabat Pendaftar & Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi**
**Nama Kumpulan: The Hobbit**
**Nama Ahli Kumpulan:**

Siti Ima Munirah Ahmad (Ketua)
Wirdah Haji Adam
Nurul Syamimi Mohd Sumairi
Mohd Zaidi Mohamad Zain
Azizi Sabron
Sharifah Harzatul Shima Syed Hardan

### Sinopsis Projek

Sistem Penilaian Prestasi secara *online* merupakan peralihan daripada amalan manual kepada proses penilaian secara elektronik yang lebih seragam dan sistematik. Ianya telah dibangunkan dan diguna pakai secara menyeluruh pada tahun 2015. Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk:

i. Meningkatkan kecekapan pengurusan penilaian prestasi;
ii. Membantu pegawai penilai membuat penilaian yang lebih objektif, telus dan adil; dan
iii. Menghasilkan pelaporan data yang teratur, cepat, tepat dan sahih bagi perakuan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Induk untuk tujuan pergerakan gaji tahunan staf;

### Impak Pelaksanaan

i. Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) staf dibayar mulai April setiap tahun;
ii. Penganugerahan APC dilaksanakan mengikut perancangan;
iii. Masa penyediaan data dapat dikurangkan sebanyak 56%;
iv. Persekitaran kerja yang lebih kondusif;
v. Kerahsiaan, integriti data dapat dipelihara dengan baik;
vi. Capaian data lebih pantas, mudah dan tepat; dan
vii. Penjimatan sumber / kos mencetak sebanyak 98%.

## 9. TAJUK PROJEK: MEMBAIK TARAF REKA BENTUK SISTEM ALIRAN PAIP MAKMAL PROSES

**PTJ: Fakulti Kejuruteraan**

**Nama Kumpulan: K.K.A Team**

**Nama Ahli Kumpulan:**

Ismail Abdullah (Ketua)
Termizi Zakaria
Shamsul Izhar Siajam

### Sinopsis Projek

